

Headline	ECoS pastikan bekalan elektrik mantap di Sabah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	25,055	Readership	75,165
Section	Tempatan	Page No	2
ArticleSize	377 cm <sup>2</sup>	Journalist	Anthea Peter
PR Value	RM 6,009		



# ECoS pastikan bekalan elektrik mantap di Sabah

**Anthea Peter**

KOTA KINABALU: Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) secara rasminya mengambil alih kawal selia pembekalan elektrik di Sabah daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam suatu majlis penyerahan kuasa, di sini, Rabu lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif ST Datuk Abdul Razib Dawood berkata kuasa kawal selia yang diserahkan kepada ECoS itu meliputi kawal selia ekonomi, teknikal dan keselamatan elektrik.

Beliau berkata perancangan dan persediaan untuk ECoS mengambil alih fungsi dan tugas ST sebenarnya telah bermula lebih dua tahun lepas.

“Untuk tujuan ini, beberapa sesi perkongsian pengetahuan seperti program shadow training, penempatan pekerja dan perkongsian maklumat serta sesi bengkel pemindahan pengetahuan ST-ECoS turut dijalankan.

“Selain itu, serahan teknologi maklumat, perisian dan dokumen dilaksanakan, di samping penyerapan pegawai ST ke ECoS,” jelasnya.

Razib berkata persediaan rapi penting bagi memastikan tiada gangguan bekalan atau operasi dialami pengguna, pemegang lesen serta pihak industri di Sabah setelah penyerahan kuasa dilaksanakan.

“ST yakin pihak ECoS telah bersedia sepenuhnya untuk mengambil alih pengawalseliaan pembekalan elektrik di Sabah dan akan tetap memberikan sokongan apabila perlu,” katanya.

Selain itu, katanya, susulan keputusan kerajaan Persekutuan bahawa pembekalan elektrik bagi Wilayah Persekutuan Labuan dikekalkan di bawah



**RAZIB (kiri) menyerahkan plak kepada Abdul Nasser untuk melambangkan penyerahan kuasa dari ST kepada ECoS, pada Rabu.**

kerajaan Persekutuan, pihak ST akan membuka pejabat di Labuan bagi memastikan kawal selia pembekalan elektrik berjalan lancar

Razib berkata penyerahan kuasa daripada ST kepada ECoS tidak menandakan berakhirnya hubungan mereka, sebaliknya kedua-dua pihak akan terus bekerjasama dan dijadualkan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada masa akan datang untuk mengisytiharkan kerjasama mereka.

Beliau menjelaskan ST dan ECoS mesti terus bekerjasama kerana Sabah dan Labuan berkongsi utiliti yang sama seperti kabel dasar lautnya, antara lain.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ECoS Datuk Ir Abdul Nasser Abdul Wahid berkata kakitangan suruhanjaya itu terdiri daripada warga Sabah yang mahir

dan berpengalaman, yang diserap masuk daripada industri untuk memastikan penyerahan kuasa berjalan lancar.

“Kami memulakan proses pengambilan pekerja sepanjang tahun lepas, kami menyerap masuk warga Sabah yang mahir daripada Sabah Electricity, Sabah Gas dan Sabah Energy Corporation.

“Kami mengambil ramai individu berpengalaman, jadi tiada proses pembelajaran yang rumit dan kami tidak perlu memberi mereka banyak latihan. Tetapi kami juga mengambil pekerja baharu agar mereka yang berpengalaman dapat melatih mereka,” katanya.

Beliau menambah, ECoS kini mempunyai lebih 70 petugas, kesemuanya warga Sabah.

Abdul Nasser menjelaskan bahawa ECoS akan berpandukan Pelan Induk dan Hala Tuju Tenaga Sabah 2040 untuk menangani isu tenaga dan bekalan elektrik di negeri ini.

Beliau berkata ECoS juga akan meneliti sumber tenaga baharu, seperti geoterma serta tenaga angin dan hidro.

“Terdapat banyak potensi dalam hidro. Kita mungkin tidak mempunyai sebanyak sumber di Sarawak tetapi kita mempunyai banyak potensi sumber hidro berskala kecil yang, apabila digabungkan, masih boleh menghasilkan sesuatu yang besar.

“ECoS kini sedang menjalankan kajian pelan induk untuk memastikan kami menjalankan pemetaan baharu bagi sumber hidro di Sabah,” katanya.

Tambahnya, usaha mengimport tenaga elektrik dari Sarawak sedang giat dijalankan, yang mana penyambungan itu dijangka siap menjelang akhir tahun ini.